

Projek Pencegahan Banjir Kg. Puah Seberang diteruskan

KUALA LUMPUR 28 Jan. - Tujuh keluarga yang mendiami tanah milik kerajaan di Kampung Puah Seberang, Sentul di sini, bersetuju untuk berpindah sekali gus membolehkan Projek Kolam Pencegahan Banjir Kampung Puah Seberang diteruskan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Seri Ahmad Phesal Talib berkata, keputusan tersebut dicapai hasil perbincangan dengan tujuh keluarga tersebut serta lima pengusaha bengkel kenderaan di kawasan itu.

"Mereka akan dipindahkan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Wahyu dan Pekan Kepong sebelum 1 Mac dan akan menerima pelbagai insentif daripada DBKL.

"Ini termasuklah sebuah unit rumah tiga bilik dengan sewa RM124 sebulan. Mereka juga dikecualikan daripada membayar wang pendahuluan sewa sebanyak dua bulan yang biasanya dikenakan kepada penyewa,"

katanya.

Beliau berkata demikian selepas pertemuan dengan penduduk tersebut di sini, semalam.

Ahmad Phesal berkata, penduduk juga akan diberi bayaran sugu hati perpindahan RM1,000 bagi setiap keluarga dan semua kemudahan logistik untuk berpindah akan disediakan oleh DBKL.

Menurutnya, ketujuh-tujuh keluarga ini terpaksa dipindahkan ekoran tapak rumah mereka terletak di dalam kawasan pembinaan kolam tebatan banjir seluas empat hektar di kampung itu.

"Kolam ini merupakan sebahagian daripada projek *River Of Life* yang bertujuan meningkatkan kualiti air sungai Gombak yang menjadi projek transformasi koridor Sungai Klang-Gombak," katanya.

Tambah beliau, dengan siapnya projek ini kelak, sebahagian besar masalah banjir di sekitar Kuala Lumpur dapat diatasi apabila limpahan dari Sungai Gombak

akan dialir masuk ke kolam tersebut.

Sebelum ini seramai sembilan keluarga dari kampung tersebut enggan berpindah selepas diarah berbuat demikian sejak 27 Ogos 2013.

Mereka mendakwa berhak untuk terus menetap di situ dan meminta pihak pemaui membayar pampasan yang setimpal.

Bagaimanapun, dua daripada keluarga itu akhirnya bersetuju untuk berpindah baru-baru ini.

Sementara itu, wakil tujuh keluarga tersebut, Azman Ahmad, 53, berkata, bayaran sugu hati sebanyak RM1,000 itu tidak sepadan dengan kerugian yang ditanggung apabila meninggalkan rumah yang didiami sejak tahun 1970-an itu.

"Kemungkinan kami akan berbincang dan merujuk kepada pihak peguam berhubung perkara ini. Bagaimanapun, secara dasarnya kami akur untuk berpindah," katanya.